PP

lwn.

SULAIMAN SAIDIN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
LOW HOP BING HMR
HASAN LAH HMR
SULAIMAN DAUD HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: A-05-98-2003]
28 SEPTEMBER 2009

DADAH BERBAHAYA: *Seksyen 39B(1)(a) - Pengedaran - Sama ada kes berasaskan pengedaran melalui jualan - Sama ada hakim bicara tersalah arah memakai s. 37(d) Akta - Sama ada tertuduh "innocent carrier" - Sama ada kegagalan pihak pendakwa memanggil pemberi maklumat menyebabkan lompang besar dalam kes pendakwaan - Sama ada hakim bicara menggunakan alasan-alasan sama membebaskan dan melepaskan tertuduh selepas kes dikembalikan untuk perbicaraan*

Tertuduh ditangkap semasa berunding dalam satu urusan jualan dadah yang dirancangkan polis ekoran maklumat yang diterima daripada seorang pemberi maklumat mengenai kegiatan pengedaran dadah tertuduh. Tertuduh dituduh di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta'). Hakim bicara mendapati pihak pendakwa hanya membuktikan suatu kes *prima facie* dan seterusnya meminda pertuduhan asal itu kepada pertuduhan memiliki dadah berbahaya di bawah s. 6 Akta. Hakim bicara juga mendapati bahawa pihak pendakwa telah gagal memanggil pemberi maklumat yang mengakibatkan inferens bertentangan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap kes pendakwaan. Tambahan lagi, hakim bicara mendapati bahawa pemberi maklumat telah terlibat secara aktif dalam urusan jualan dadah tersebut dan dengan itu tidak boleh diberikan perlindungan yang diberikan seorang pemberi maklumat di bawah s. 40(1) Akta. Timbalan Pendakwa Raya ('TPR') merayu keputusan hakim bicara dan mahkamah ini telah memerintahkan kes ini dikembalikan ke mahkamah hakim bicara untuk tertuduh dipanggil membela diri atas pertuduhan asal. Di akhir perbicaraan, hakim bicara membebaskan dan melepaskan tertuduh atas alasan bahawa tertuduh hanya seorang "innocent carrier", dan kegagalan pihak pendakwa memanggil pemberi maklumat telah menyebabkan suatu lompang besar dalam kes pendakwaan. Maka, rayuan TPR ini terhadap keputusan tersebut.

A **Diputuskan (membenarkan rayuan)**
Oleh Sulaiman Daud HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Hakim bicara telah tersalah arah terpakai s. 37(d) Akta kerana
B kes pendakwaan berasaskan pengedaran melalui jualan dan bukan berasaskan "anggapan pemilikan" dadah di bawah s. 37(d). Maka, persoalan sama ada pihak pembelaan berjaya mematahkan anggapan tersebut bukanlah suatu faktor relevan untuk diputuskan oleh hakim bicara. (perenggan 31 & 33)

C **(2)** Hakim bicara telah gagal menilai dan menguji keterangan tertuduh dengan keterangan-keterangan pihak pendakwa dan keseluruhan hal keadaan kes apabila memutuskan tertuduh hanyalah seorang 'innocent carrier'. Hakim bicara dalam alasan
D penghakimannya hanya sekadar menyatakan bahawa tertuduh telah memberikan penjelasan yang mencukupi bagaimana dia telah terperangkap tanpa memberikan apa-apa alasan atas dapatan fakta tersebut. (perenggan 35 & 36)

(3) Keterangan tertuduh menyokong keterangan saksi pendakwaan
E SP6 mengenai fakta-fakta tertentu yang tidak dipertikaikan. Disebalik persamaan dalam fakta-fakta tersebut, terdapat perbezaan yang amat ketara dalam keterangan saksi-saksi pendakwaan dengan keterangan tertuduh mengenai tujuan pertemuan tertuduh dan SP6 di Bagan Serai dan juga
F mengenai apa yang dibualkan mereka dalam kereta berkenaan pada malam tangkapan. Jika diperhatikan, tertuduh hanya menafikan keterangan pendakwaan yang menunjukkan kebersalahannya tetapi tidak selainnya. (perenggan 41 & 42)

G **(4)** Dengan mengambilkira penglibatan tertuduh dalam rundingan jualan dadah tersebut, fakta bahawa kandungan bungkusan plastik dadah berkenaan tidak dapat dilihat dari luar tidak bermakna tertuduh tidak mempunyai pengetahuan tentang dadah yang terkandung di dalamnya. Ternyata bahawa
H kedatangan SP6 ke rumah tertuduh pada kali kedua malam material adalah susulan daripada rundingan mereka sebelumnya berkaitan jualan dadah tersebut. Justeru, satu-satunya inferens yang boleh dibuat ialah bahawa dadah yang terkandung dalam bungkusan plastik berkenaan adalah dadah yang telah dijanjikan
I untuk dijual kepada SP6. Tiada sebab untuk tidak mempercayai keterangan SP6 tentang apa yang berlaku pada malam tangkapan. (perenggan 50 & 51)

(5) Kesan kegagalan memanggil pemberi maklumat oleh pihak pendakwa telah dipertimbangkan oleh hakim bicara di akhir kes pendakwaan. Fakta bahawa mahkamah ini telah mengetepikan perintah hakim bicara dalam rayuan terdahulu jelas menunjukkan bahawa mahkamah ini telah pun menolak alasan-alasan yang telah diberikan. Hakim bicara tidak boleh sekali lagi menggunakan alasan-alasan sama sebagai asas untuk membebaskan dan melepaskan tertuduh melainkan pihak pembelaan telah mengemukakan keterangan mencukupi bahawa pemberi maklumat sebenarnya telah bertindak sebagai penyamar sulit dan dengan itu tidak diberi perlindungan di bawah s. 40(1) Akta. Dalam rayuan ini, pihak pembelaan telah cuba menunjukkan peranan aktif pemberi maklumat dalam apa yang dikatakan oleh hakim bicara sebagai "perangkap jual-beli dadah". Namun demikian, mahkamah ini telah pun menolak keterangan tertuduh yang cuba mengkaitkan pemberi maklumat dengan bungkusan plastik dadah berkenaan yang dikatakannya telah diberikan kepadanya oleh pemberi maklumat untuk disampaikan kepada SP6. Setelah menolak keterangan tersebut, mahkamah ini mendapati bahawa kes pendakwaan mengenai peranan pemberi maklumat kekal dan tidak tergugat. Juga didapati bahawa peranan yang dimainkan olehnya tidaklah sampai ke tahap seorang penyamar sulit. (perenggan 54, 55 & 56)

(6) Hakim bicara telah memberikan alasan-alasan sama seperti yang dihuraikan dalam penghakimannya di akhir kes pendakwaan bagi menunjukkan penglibatan aktif pemberi maklumat berdasarkan saksi-saksi pendakwaan sendiri. Alasan-alasan tersebut sudah semestinya diberi pertimbangan oleh mahkamah ini dalam rayuan terdahulu dan oleh itu tiada sebab bagi mahkamah ini untuk memutuskan sebaliknya setelah menolak keterangan pembelaan yang amat tidak munasabah untuk dipercayai. (perenggan 58)

(7) Pihak pembelaan telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Malahan terdapat keterangan pendakwaan yang amat kuat menunjukkan keterlibatan tertuduh dalam urusan jualan dadah yang jelas termasuk dalam takrif "pengedaran" di bawah s. 2 Akta. Pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kes terhadap tertuduh atas pertuduhan asal dengan melampaui keraguan yang

A munasabah. Lantaran itu, keputusan hakim bicara diketepikan dan sabitan digantikan dengan satu di bawah s. 39B(1)(a) Akta dengan hukuman mati mandatori di bawah s. 39B(2) yang sama. (perenggan 59)

B ***English*** *Translation Of Headnotes*

The accused was arrested amidst a discussion of a drug transaction arranged by the police based on information received from an informer of drug trafficking activities of the accused. The accused was charged under s. 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs C Act 1952 (the 'Act'). The trial judge found that the prosecution only proved a *prima facie* case against the accused and amended the charge to one of possession under s. 6 of the Act. The trial judge also found that the failure of the prosecution to call the informer as witness resulted in an adverse inference being drawn D against the prosecution case under s. 114(g) of the Evidence Act 1950. In addition, the trial judge found that the informer was actively involved in the drug transaction and therefore could not be given the protection accorded to an informer under s. 40(1) of the Act. The Deputy Public Prosecutor ('DPP') appealed against E the decision of the trial judge and this court ordered the case to be remitted to the trial court for the defence to be called on the original charge. At the end of the trial, the accused was acquitted and discharged on the ground that the accused was an innocent carrier and that the failure of the prosecution to call the informer F resulted in a loophole in the prosecution case. Hence, the DPP's appeal against the said decision.

Held (allowing the appeal)
Per Sulaiman Daud JCA delivering the judgment of the G **court:**

(1) The trial judge misdirected himself in applying s. 37(d) of the Act because the prosecution case was based on trafficking *via* sale and not based on the presumption of possession of drugs H under s. 37(d). Hence, the question as to whether the defence succeeded in rebutting that presumption was not a relevant factor for the trial judge's determination.

(2) The trial judge failed to assess and examine the evidence of I the accused with the evidence of the prosecution and the whole of the circumstances of the case when deciding that the

accused was only an innocent carrier. The trial judge in his grounds of judgment only stated to the extent that the accused had given sufficient explanation as to how he was trapped without giving any grounds on that finding.

(3) The evidence of the accused supported the evidence of the prosecution witness SP6 on certain indisputable facts. Behind the similarity of the said facts, there were extreme differences in the prosecution evidence and the accused evidence in respect of the purpose of the meeting of the accused and SP6 in Bagan Serai and also what was discussed by them in the material car on the night of the arrest. On observation, the accused only gave a bare denial of the prosecution evidence that showed his guilt and nothing more.

(4) Taking into account the accused's involvement in the drug transaction, the fact that the contents of the plastic parcel was not visible from the outside did not mean that the accused had no knowledge of the drugs within. Obviously, SP6's visit to the accused's house for the second time around in the material night followed from a prior discussion that they must have had in respect of the drug transaction. Accordingly, one of the inferences that could be made was that the drugs contained in the plastic parcel were drugs promised to be sold to SP6. There was no reason not to believe the evidence of SP6 about what had happened at the night of the arrest.

(5) The consequences of the failure by the prosecution to call the informer as witness was considered by the trial judge at the end of the prosecution case. The fact that this court set aside the decision of the trial judge in the earlier appeal clearly showed that this court had rejected the said grounds. The trial judge could not use the same grounds to acquit and discharge the accused unless the defence adduced sufficient evidence that the informer in fact acted as a secret impersonator that resulted in the loss of protection accorded to an informer under s. 40(1) of the Act. In this appeal, the defence attempted to show the active role played by the informer in what was said by the trial judge as a drug deal trap. Nevertheless, this court rejected the evidence of the accused that attempted to correlate the informer with the plastic parcel alleged to be given to him by the informer to be given to SP6.

A After rejecting the said evidence, this court found that the prosecution case about the role played by the informer was maintained and not vitiated. It was also found that the role played by him did not reach the stage of a secret impersonator.

B **(6)** The trial judge gave the same grounds as stated in his judgment at the end of the prosecution case to show the active involvement of the informer based on the prosecution witnesses itself. Those grounds would have been given consideration by this court in the earlier appeal and therefore C there was no reason for this court to hold otherwise after rejecting the evidence of the defence that was extremely unreasonable to be believed.

(7) The defence failed to raise any doubts on the prosecution D case. In fact there was strong evidence that showed the accused's involvement in the drug transaction that clearly fell within the definition of "trafficking" under s. 2 of the Act. The prosecution case succeeded in proving its case beyond reasonable doubt on the original charge. It followed that the E decision of the trial judge was set aside and the conviction substituted with one under s. 39B(1)(a) of the Act punishable with the mandatory death sentence under s. 39B(2) of the same.

Kes-kes yang dirujuk:

F *Ganapathy Rengasamy v. PP [1998] 2 CLJ 1 FC* ***(dirujuk)***
Lee Ing Chin v. Gan Yook Chin & Anor [2003] 2 CLJ 19 CA ***(dirujuk)***
Mohd Radhi Yaakob v. PP [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 SC ***(dirujuk)***
Muniandy & Ors v. PP [1966] 1 MLJ 257 ***(dirujuk)***
G *Munusamy v. PP [1987] 1 MLJ 492* ***(dirujuk)***
PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3) [1999] 2 CLJ 215 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mansor Mohd Rashid & Anor [1997] 1 CLJ 233 FC ***(dirujuk)***
PP v. Sa'ari Jusoh [2007] 2 CLJ 197 FC ***(dirujuk)***
Wan Yuriilhami Wan Yaacob lwn. PP & Satu Rayuan Lain [2009] 2 CLJ 170 CA ***(dirujuk)***

H

Perundangan yang dirujuk:

Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 6, 37(da), 39A(2), 39B(1)(a), 39B(2), 40(1)
Evidence Act 1950, s. 114(g)

I

Bagi pihak perayu/pendakwaan - Awang Armadajaya Awang Mahmud (Andi Razalijaya A Dadi bersamanya) TPR
Bagi pihak responden/tertuduh - V Rajadevan (S Siva Ganish bersamanya); T/n Rajadevan & Assoc

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Taiping; Perbicaraan Jenayah No: 58-2-97]

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Sulaiman Daud HMR:

[1] Pada 11 Ogos 2009, kami telah membenarkan rayuan Pendakwa Raya terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana ("hakim bicara") membebas dan melepaskan tertuduh atas pertuduhan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ("Akta"). Seterusnya, keputusan hakim bicara telah diketepikan dan digantikan dengan perintah bahawa tertuduh disabitkan di bawah s. 39B(1)(a) Akta dan dikenakan hukuman mati mandatori di bawah s. 39B(2) Akta. Alasan-alasan bagi keputusan kami itu adalah seperti berikut.

Latar Belakang

[2] Tertuduh pada mulanya telah dituduh atas kesalahan mengedar dadah berbahaya seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 20.7.96 jam lebih kurang 9.20 malam di hadapan Sekolah Menengah Kuala Kurau, Batu 14 Jalan Pantai, Kuala Kurau dalam Negeri Perak, telah mengedar dadah merbahaya, iaitu 'cannabis' seberat 2739 gram dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (Undang-Undang Malaysia, Akta 234/52 Akta Dadah Berbahaya 1952) dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[3] Di akhir kes pendakwaan hakim bicara telah mendapati pihak pendakwa telah hanya berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* bagi kesalahan memiliki dadah berbahaya cannabis, dan seterusnya telah meminda pertuduhan asal kepada pertuduhan memiliki dadah berbahaya di bawah s. 6 Akta yang boleh dihukum di bawah s. 39(A)(2) Akta. Tertuduh telah mengaku salah atas pertuduhan pindaan itu dan telah dikenakan hukuman penjara sepuluh tahun dan sepuluh kali sebatan.

[4] Pada 10 Januari 2003 mahkamah ini telah membenarkan rayuan Pendakwa Raya terhadap keputusan hakim bicara itu, dan selanjutnya telah memerintahkan supaya kes ini dikembalikan ke Mahkamah Tinggi untuk tertuduh dipanggil membela diri atas pertuduhan asal di bawah s. 39B(1)(a) Akta. Di akhir perbicaraan, hakim bicara telah membebas dan melepaskan tertuduh daripada pertuduhan itu. Pendakwa Raya kini merayu terhadap keputusan tersebut.

Kes Pendakwaan

[5] Sebelum menimbangkan perkara-perkara dan isu-isu yang dibangkitkan dalam rayuan ini, didapati perlu untuk menyatakan secara ringkas fakta kes ini. Pada 19 Julai 1996, ASP Othman bin Nayan (SP5) telah dimaklumkan oleh Inspektor Jefferson tentang maklumat yang telah diterimanya mengenai kegiatan pengedaran dadah. Pada 20 Julai 1996 kira-kira jam 5 petang, SP5 telah diperkenalkan kepada pemberi maklumat oleh Inspektor Jefferson dalam satu pertemuan yang turut dihadiri oleh Sarjan Busra (SP6). SP5 telah dimaklumkan oleh pemberi maklumat mengenai kegiatan pengedaran dadah oleh seorang lelaki Melayu di kawasan Kuala Kurau, Perak. Lelaki Melayu yang dimaksudkan adalah tertuduh. SP5 telah mengarahkan SP6 untuk bertindak sebagai penyamar sulit.

[6] Atas arahan SP5, pemberi maklumat telah berjaya menghubungi tertuduh melalui telefon. Dia kemudiannya telah memberikan telefon itu kepada SP6 untuk membolehkan SP6 turut berbual dengan tertuduh. Dalam perbualan itu SP6 dan tertuduh telah bersetuju untuk berjumpa di Bagan Serai. Berikutannya, SP5 dan SP6 bersama-sama dua anggota lain telah berlepas dengan kereta nombor pendaftaran WEC 170 dan sampai di Bagan Serai pada jam lebih kurang 6.15 petang. SP6 seterusnya telah menunggu di kawasan perhentian bas.

[7] Pada jam lebih kurang 7 petang pemberi maklumat telah datang ke kawasan itu membawa tertuduh dengan motosikalnya. Dia memperkenalkan tertuduh kepada SP6. Dalam pertemuan singkat itu, tertuduh telah memberitahu SP6 'barang' ada di rumahnya dan meminta SP6 menghantarnya balik untuk menunjukkan rumahnya. Semasa dalam kereta dalam perjalanan ke rumah tertuduh, SP6 dan tertuduh telah membincangkan tentang penjualan dadah ganja. Tertuduh telah bersetuju untuk

membekalkan kepada SP6 tiga kilogram ganja dengan harga $1,500 sekilogram, dan telah meminta SP6 datang ke rumahnya pada jam 9 malam hari itu untuk mengambil dadah yang telah dijanjikan.

[8] SP6 telah berpatah balik setelah menurunkan tertuduh di hadapan rumahnya. Dia seterusnya telah mentaklimatkan kepada SP5 tentang persetujuan yang telah dicapainya dengan tertuduh. Sebagai tindakan susulan, SP5 telah mengadakan taklimat penugasan di kalangan anggota-anggotanya yang terlibat dalam operasi pada malam itu sebelum mereka berlepas ke tempat serang hendap yang disasarkan. SP6 dan Kpl. Zainal turut berlepas dengan kereta WEC 170 ke pekan Kuala Kurau.

[9] Pada jam lebih kurang 9.10 malam, SP6 dan Kpl. Zainal telah berlepas menunju ke rumah tertuduh. Apabila mereka sampai tertuduh telah sedia menunggu di tepi jalan di hadapan rumahnya. SP6 memberhentikan kereta di hadapan tertuduh sambil membuka cermin tingkap hadapan kanan kereta. Tertuduh menjengok ke dalam kereta sambil menegur SP6. Tertuduh kemudiannya telah mengambil satu bungkusan plastik hitam (eks. P3A) di bahu jalan dan masuk ke tempat duduk belakang kereta bersama-sama bungkusan itu. SP6 telah memperkenalkan tertuduh kepada Kpl. Zainal sambil memandu kereta ke kawasan serang hendap yang telah diaturkan.

[10] Setelah SP6 bertanyakan "mana barang", tertuduh telah menghulurkan kepada Kpl. Zainal satu bungkusan plastik P3A. Di dalam bungkusan itu terdapat satu bungkusan plastik warna cerah (eks. P3B) yang mengandungi tiga ketulan empat segi daun-daun kering yang disyaki ganja dibaluti dengan plastik warna putih (eks. P4A-P4C). SP6 kemudiannya telah menyerahkan wang kepada Kpl. Zainal. Setelah sampai di kawasan serang hendap SP6 terus memberikan isyarat bagi pasukan perangkap membuat serbuan. Dalam serbuan itu tertuduh telah berjaya ditangkap di tempat duduk belakang kereta bersama-sama dengan tiga ketulan daun-daun kering tersebut.

[11] Ahli Kimia (SP4) yang menjalankan analisis ke atas ketulan-ketulan daun kering tersebut telah mengesahkan bahawa ketulan-ketulan itu adalah dadah jenis cannabis seperti yang ditakrifkan di bawah s. 2 Akta.

[12] Di akhir kes pendakwaan hakim bicara telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan kesnya dengan melampaui keraguan yang munasabah (ujian yang terpakai mengikut keputusan kehakiman pada masa itu) pertuduhan mengedar dadah berbahaya terhadap tertuduh di bawah s. 39(B)(1)(a) Akta.

[13] Hakim bicara telah memberikan dua alasan utama bagi keputusannya itu. Pertama, beliau mendapati pemberi maklumat telah terlibat secara aktif dalam urusan jual beli dadah tersebut, dan dengan yang demikian merupakan "seorang 'particeps criminis' dan 'ejen perangkap' yang tidak boleh diberikan perlindungan yang diberikan kepada seseorang pemberi maklumat di bawah s. 40(1) Akta", dan dengan yang demikian telah diputuskan bahawa "inferens bertentangan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 patut dikenakan terhadap kes pendakwaan atas kegagalan memanggil pemberi maklumat".

[14] Hakim bicara telah memberikan tujuh alasan bagi menunjukkan penglibatan aktif pemberi maklumat, melalui peranan dan tindakannya, yang bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) Pemberi maklumat, selain daripada menghubungi Inspektor Jefferson melalui telefon, juga telah menemuinya untuk memberikan maklumat mengenai aktiviti pengedaran dadah oleh tertuduh yang telah menyebabkan siasatan dijalankan ke atasnya.

(b) Pemberi maklumat juga telah memberikan maklumat tersebut secara terus kepada SP5 dan SP6 dalam satu pertemuan yang telah diaturkan oleh Inspektor Jefferson, dan pemberi maklumat turut hadir semasa SP5 dan SP6 membincangkan maklumat yang telah disampaikannya itu.

(c) Pemberi maklumat telah menghubungi tertuduh melalui telefon dalam kehadiran SP6, dan turut memberikan telefon kepada SP6 bagi membolehkannya berbual dengan tertuduh bagi merancangkan suatu pertemuan di antara mereka.

(d) Pemberi maklumat telah memberitahu SP5 mengenai percakapannya dengan tertuduh dalam kehadiran SP6 yang menggalakkan SP5 membuat perancangan bagi memerangkap tertuduh.

(e) Pemberi maklumat juga telah membawa tertuduh berjumpa dengan SP6 tepat di tempat di mana SP6 berada berdekatan sebuah perhentian bas, yang mana jelas menunjukkan pemberi maklumat sentiasa berhubung dengan SP6.

(f) Dalam pertemuan pertama di antara tertuduh dan SP6, tertuduh telah memberitahu SP6 bahawa "barang ada tetapi kena ambil di rumah" apabila SP6 bertanyakan "maca mana Man". Atas fakta ini, hakim bicara mendapati memang telah ada rundingan terdahulu di antara pemberi maklumat dengan tertuduh tentang jualan dadah tersebut.

(g) Fakta bahawa SP6 telahpun menerima wang tunjuk sebanyak RM4,000 daripada SP5 walaupun pada masa itu dia masih belum bertemu dengan tertuduh bagi membincangkan jualan dadah tersebut, jelas menunjukkan peranan pemberi maklumat sebagai orang yang telah menyampaikan maklumat tentang jumlah dan harga dadah yang akan dijual.

[15] Keduanya, hakim bicara mendapati kegagalan ahli kimia (SP4) menjelaskan bahawa dia telah menjalankan analisis ke atas sekurang-kurangnya 200 gram berat bersih dadah yang dipersoalkan telah menyebabkan pihak pendakwa tidak dapat bergantung kepada peruntukan anggapan di bawah s. 37(da) Akta bagi menunjukkan berat bersih dadah "cannabis" tersebut melebih daripada 200 gram.

[16] Kami mendapati tiada keperluan bagi kami untuk menilai dan menimbangkan semula merit bagi alasan-alasan yang telah diberikan oleh hakim bicara seperti di atas di akhir kes pendakwaan. Walaupun tiada alasan penghakiman disediakan, tetapi pada hemat kami fakta bahawa Mahkamah ini telah memerintahkan tertuduh dipanggil untuk membela diri dalam rayuan terdahulu jelas menunjukkan hakim bicara telah tersilap sama ada di sisi undang-undang atau fakta-fakta dalam mencapai keputusan yang dibuatnya itu.

Kes Pembelaan

[17] Dengan berlatarbelakangkan fakta-fakta dan urutan peristiwa tersebut di atas kami akan meneruskan dengan pembelaan tertuduh. Tertuduh telah memilih untuk memberikan keterangan bersumpah dan turut memanggil neneknya (SD2) untuk menjelaskan apa yang berlaku di rumahnya pada malam tangkapan itu.

[18] Keterangan tertuduh bolehlah diringkaskan seperti berikut. Pada 20 Julai 1996 jam lebih kurang 6 petang dia telah menerima panggilan telefon di rumahnya daripada Hashim, seorang kenalan kawannya. Hashim telah datang ke rumahnya dengan motosikal dan membawanya ke sebuah warung makan di mana dia telah diperkenalkan oleh Hashim kepada kawannya. Kira-kira lima belas minit kemudian, kawan Hashim telah menghantarnya balik ke rumah kerana Hashim ada urusan lain. Seterusnya kira-kira jam 7.30 malam dia telah sekali lagi menerima panggilan telefon daripada Hashim yang mengajaknya keluar makan di warung yang sama. Kali ini Hashim telah datang ke rumahnya dengan seorang kawannya yang lain.

[19] Hashim (pemberi maklumat) telah memberitahunya dia ada hal mustahak dan memintanya menunggu kawannya yang hantar dia balik sebelum itu (SP6). Dia melihat Hashim pergi menghampiri motosikalnya di tepi jalan raya di hadapan rumahnya dan mengeluarkan satu bungkusan daripada raga motosikalnya dan meletakkannya di tepi jalan raya di situ. Hashim memberitahunya bungkusan itu mengandungi beras siam wangi dan memintanya menyerahkan bungkusan itu kepada kawannya yang menghantarnya pulang tadi. Hashim seterusnya telah meminta dia pergi dan menunggunya di warung makan yang dimaksudkan.

[20] Kawan Hashim kemudiannya telah datang ke rumahnya dengan seorang lain dan memintanya masuk ke dalam kereta bersama-sama bungkusan yang ditinggalkan oleh Hashim. Bungkusan itu berbalut dengan plastik hitam dan kandungannya tidak boleh dilihat. Dia telah masuk ke dalam kereta dengan membawa bungkusan itu sebagaimana yang disuruh oleh kawan Hashim. Setelah bergerak kira-kira dua minit kereta yang dinaikinya itu telah berhenti. Kawan Hashim bersama-sama kawannya telah keluar melarikan diri. Dia nampak beberapa orang berlari datang ke kereta. Dia tidak dapat keluar kereta kerana pintu kereta dikunci. Orang-orang tersebut telah memperkenalkan diri mereka sebagai anggota polis. Dia menafikan pernah mengadakan apa-apa perbincangan mengenai jualan dadah dengan mana-mana orang pada hari itu.

[21] Semasa diperiksa balas, tertuduh menafikan ada menerima panggilan telefon daripada orang lain daripada Hashim pada petang hari tangkapan itu. Dia juga menafikan ada berbincang dengan kawan Hashim mengenai jualan dadah dalam pertemuan mereka di

warung makan atau dalam kereta semasa dia dihantar pulang. Dia turut menafikan telah bersetuju untuk membekalkan dadah yang dipersoalkan kepada kawan Hashim apabila dia datang semula ke rumahnya pada malam hari tangkapan itu.

[22] Sebaliknya dia bersetuju bahawa kawan Hashim dan seorang lain telah datang semula ke rumahnya pada kira-kira jam 9.20 malam. Dia telah menaiki kereta itu dengan membawa satu bungkusan plastik hitam. Namun dia menafikan telah menyerahkan bungkusan hitam itu kepada orang yang ada bersama kawan Hashim dalam kereta untuk diperiksa sebelum diserahkan balik kepadanya. Dia juga tidak bersetuju dengan pengataan bahawa Hashim tidak datang semula ke rumahnya pada malam itu atau bahawa bungkusan itu tidak diserahkan kepadanya oleh Hashim.

[23] Dalam konteks kes pendakwaan, Hashim yang dimaksudkan oleh tertuduh adalah pemberi maklumat, manakala kawan Hashim pula adalah SP6.

[24] DW2 adalah nenek tertuduh dan berumur 81 tahun. Dia menyatakan kira-kira jam 9.30 malam hari itu tertuduh ada di rumah. Ketika itu ada orang telefon di rumah dan tertuduh telah keluar meninggalkan rumah setelah menjawab panggilan tersebut.

Keputusan Hakim Bicara Di Akhir Kes Pembelaan

[25] Di akhir kes pembelaan, hakim bicara telah mendapati bahawa tertuduh, melalui keterangannya, telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan, dan dengan yang demikian beliau telah memutuskan, berdasarkan kepada keseluruhan keterangan di hadapan mahkamah, bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan kesnya dengan melampaui keraguan yang munasabah atas pertuduhan yang dikenakan terhadap tertuduh. Lantaran itu, tertuduh telah dibebas dan dilepaskan daripada pertuduhan tersebut.

[26] Hakim bicara telah memberikan dua alasan utama sebagai asas penghakimannya. Pertama, dia mendapati tertuduh hanyalah seorang "innocent carrier", dan keduanya, beliau mendapati kegagalan pihak pendakwa memanggil pemberi maklumat yang dikenali oleh tertuduh dengan nama Hashim telah menyebabkan suatu lompang besar dalam kes pendakwaan. Kami akan berbalik kepada alasan-alasan ini apabila menimbangkan merit penghujahan kedua-dua belah pihak dalam rayuan ini kelak.

A **Isu Dan Keputusan Mahkamah**

[27] Sebelum merumuskan isu atau isu-isu yang berbangkit dalam rayuan ini, kami mendapati perlu untuk mengulangi bahawa tertuduh telah dipanggil untuk membela diri setelah mahkamah ini,
B dalam rayuan terdahulu, mengetepikan keputusan hakim bicara di akhir kes pendakwaan. Sehubungan dengan itu, kami mendapati tiada keperluan bagi kami untuk menimbangkan semula isu-isu yang telah diputuskan oleh mahkamah ini terdahulu mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan di akhir kes pendakwaan, kecuali jika
C terdapat keterangan-keterangan baru yang dibangkitkan oleh pihak pembelaan yang boleh menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan.

[28] Berbalik kepada dua alasan utama yang disebut terdahulu. Kami mulakan dengan alasan pertama yang menimbulkan soalan
D sama ada tertuduh sebenarnya seorang 'innocent carrier'.

Sama Ada Tertuduh 'Innocent Carrier'

[29] Berkenaan dengan peranan tertuduh sebagai seorang
E "innocent carrier", hakim bicara telah menyatakan seperti berikut:

> Saya mendapati OKT dalam keterangannya telahpun menyangkal dengan mencukupi di atas imbangan kebarangkalian peruntukan anggapan di bawah seksyen 37(d) Akta tersebut. Keterangan OKT dalam pembelaannya adalah konsisten bahawa beliau tidak tahu isi
F kandungan bag plastik hitam tersebut yang dibawanya mengandungi dadah ganja. Saya mendapati OKT hanya "innocent carrier" kepada keterangan kegiatan jual-beli dadah yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan. OKT telahpun dalam keterangannya menjelaskan dengan mencukupi hal keadaan
G bagaimana beliau terlibat di dalam perangkap transaksi jual-beli dadah ini.

[30] Timbalan Pendakwa Raya terpelajar, Awang Armadajaya bin Awang Mahmud ("TPR") telah berhujah bahawa hakim bicara telah tersalah arah apabila memutuskan tertuduh telah berjaya
H menyangkal atas imbangan kebarangkalian 'anggapan pemilikan' dadah di bawah s. 37(d) Akta. Beliau menegaskan pihak pendakwa tidak mengasaskan kesnya kepada anggapan pemilikan di bawah s. 37(d) Akta tetapi sebaliknya bergantung kepada 'jualan' dadah yang telah dirundingkan terlebih dahulu di antara penyamar sulit
I SP6 dengan tertuduh. Justeru, TPR terpelajar itu menghujahkan, dan kami bersetuju dengannya, bahawa isu utama yang harus

diputuskan oleh mahkamah ialah sama ada pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan suatu keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan mengenai isu 'pengedaran'.

[31] Setelah memberi perhatian kepada keterangan dan alasan penghakiman, kami bersetuju dengan TPR terpelajar bahawa hakim bicara telah tersalah arah dalam pemakaian s. 37(d) Akta kerana ternyata kepada kami bahawa kes pendakwaan adalah berasaskan pengedaran melalui jualan. Dalam kes *Pendakwa Raya v. Mansor Mohd Rashid & Anor* [1997] 1 CLJ 233, Mahkamah Persekutuan telah mendapati hakim bicara telah tersilap apabila terlalu mementingkan persoalan 'jagaan dan kawalan' dadah yang dipersoalkan setelah mengambil kira bahawa kes pendakwaan adalah berasaskan pengedaran melalui jualan dadah. Dalam menyampaikan keputusan mahkamah itu, Chong Siew Fai CJ (Sabah & Sarawak) berkata, di ms 248:

> Having regard to the evidence of this case, it is our view that the learned trial judge was unduly concerned with exclusivity of possession of room 'K' and the custody and control of the cannabis in question in relation to Amran. It is essential to bear in mind that the case of the prosecution was not based on custody or control thereby invoking the presumption of possession, or on possession of 200 gram or more cannabis thereby attracting the presumption of trafficking under s. 37(d) or (da)(vi) of the Act. The prosecution founded its case of trafficking on the 'sale' of the cannabis to PW9, the agent provocateur.

[32] Dalam kes *PP v. Sa'ari Jusoh* [2007] 2 CLJ 197, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan jika kes pendakwaan tidak bergantung kepada pemilikan dadah yang menimbulkan anggapan pengedaran, tiada keperluan bagi pembelaan untuk mematahkan anggapan pemilikan dadah yang dipersoalkan oleh tertuduh. Dalam menyampaikan keputusan mahkamah itu, Augustine Paul FCJ telah berkata di ms 215:

> The opening address clearly refers to only an act of selling dangerous drugs. There is no reference to the possession of the dangerous drugs by the accused. Thus what is stated only requires proof of the circumstances that led to the sale. It is those circumstances that the defence would be required to rebut and not the fact of whether the accused was or was not in possession of the dangerous drugs.

[33] Dalam kes sekarang ini walaupun tidak terdapat ucapan pembukaan oleh pihak pendakwa tetapi ternyata kepada kami, berdasarkan kepada keterangan saksi-saksi mereka, bahawa pihak pendakwa telah mengasaskan kesnya kepada 'pengedaran' melalui 'jualan' dadah yang dipersoalkan. Dengan yang demikian kami mendapati soal sama ada atau tidak pihak pembelaan telah berjaya mematah 'anggapan pemilikan' di bawah s. 37(d) Akta bukanlah suatu faktor yang relevan untuk diputuskan oleh hakim bicara.

[34] Namun demikian, selain daripada membangkitkan isu anggapan pemilikan di bawah s. 37(d) Akta, hakim bicara juga telah membuat suatu dapatan fakta bahawa tertuduh juga tidak mengetahui bahawa bungkusan plastik hitam (eks. P3A) tersebut mengandungi dadah ganja, dan dengan yang demikian beliau telah memutuskan bahawa tertuduh hanyalah seorang 'innocent carrier' kepada keterangan kegiatan transaksi jual beli dadah yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Menurut hakim bicara tertuduh "telahpun dalam keterangannya menjelaskan dengan mencukupi hal keadaan bagaimana beliau terlibat dalam perangkap transaksi jual-beli dadah ini".

[35] Berkenaan dengan isu ini, TPR terpelajar telah menghujahkan bahawa hakim bicara telah gagal untuk menilai dan menguji keterangan tertuduh dengan keterangan-keterangan pihak pendakwa dan keseluruhan hal keadaan kes apabila memutuskan tertuduh hanyalah seorang 'innocent carrier'. En Rajadevan, bagi tertuduh, sebaliknya telah meminta agar mahkamah ini tidak campur tangan dalam dapatan fakta yang telah dibuat oleh hakim bicara tersebut atas dasar bahawa hakim bicara mempunyai kelebihan daripada mahkamah ini untuk menilai kredibiliti saksi-saksi yang tampil memberi keterangan di hadapannya.

[36] Kami bersetuju dengan TPR terpelajar. Kami mendapati hakim bicara dalam alasan penghakimannya hanya sekadar menyatakan bahawa tertuduh telah memberikan penjelasan yang mencukupi bagaimana dia telah terperangkap tanpa memberikan apa-apa alasan atas dapatan fakta tersebut. Adalah suatu prinsip undang-undang yang mantap bahawa pada amnya mahkamah rayuan tidak akan campur tangan dalam sesuatu dapatan fakta yang dibuat oleh hakim bicara kecuali beliau ternyata telah tersilap dalam mencapai keputusan yang dibuat atau jika tidak terdapat penilaian kehakiman (judicial appreciation) terhadap keterangan-keterangan di hadapan mahkamah.

[37] Prinsip undang-undang ini telah dijelaskan dalam kes *Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng v. Gan Yook Chin & Anor* [2003] 2 CLJ 19, di mana Gopal Sri Ram, JCA (beliau pada masa itu) berkata, di ms 33:

> A judge ... must arrive at his decision on an issue of fact by assessing weighing and, for good reasons, either accepting or rejecting the whole or any part of the evidence placed before him. He must, when deciding whether to accept or to reject the evidence of a witness, test it against relevant criteria ... He must also test the evidence of a particular witness against the probabilities of the case.

[38] Dalam menilai keterangan seseorang saksi, Augustine Paul J (beliau pada masa itu) dalam kes *Public Prosecutor v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3)* [1999] 2 CLJ 215, telah berkata, di ms 293:

> The Privy Council has stated that the real tests for either accepting, or rejecting the evidence of a witness are how consistent the story is with itself, how it stands the test of cross-examination, and how far it fits with the rest of the evidence and the circumstances of the case (see *Bhojraj v. Sitaram* AIR [1936] PC 60).

[39] Dalam kes Mahkamah Persekutuan *Muniandy & Ors v. Public Prosecutor* [1966] 1 MLJ 257, telah disarankan bahawa dalam menimbangkan sesuatu keterangan "the inherent probability or improbability of fact in issue must be a prime consideration". Dalam kes itu mahkamah telah membenarkan rayuan perayu setelah mendapati hakim bicara gagal menilai kemungkinan-kemungkinan keterangan pembelaan berbanding dengan keterangan pihak pendakwa.

[40] Berbalik kepada kes pembelaan. Tertuduh dalam keterangannya telah menafikan terlibat dalam perbincangan jualan dadah yang dipersoalkan dengan SP6 atau dalam pembekalan dadah tersebut kepada SP6 sebelum sahaja tangkapan dibuat. Asas pembelaannya ialah bahawa dia telah diperangkap oleh Hashim yang dikatakan telah memintanya menyampaikan bungkusan plastik P3A tersebut kepada SP6 dengan memperdayanya bahawa bungkusan itu mengandungi beras siam wangi.

[41] Kami mendapati apa yang menarik dalam keterangan tertuduh ialah bahawa dia telah menyokong keterangan SP6 mengenai fakta-fakta tertentu. Di antara keterangan SP6 dan tertuduh yang tidak dipertikaikan adalah seperti berikut. Mereka

telah bertemu dan diperkenalkan antara satu sama lain oleh Hashim, iaitu pemberi maklumat, di Bagan Serai pada petang hari tangkapan itu. Ketiga-tiga mereka telah pergi ke sebuah warung. Setelah berada di situ kira-kira 15 minit SP6 telah menghantar tertuduh pulang ke rumahnya dengan kereta. Seterusnya SP6 telah datang semula ke rumah tertuduh pada sebelah malamnya di mana tertuduh sedia menunggu. SP6 menyuruh tertuduh membawa masuk bungkusan plastik P3A ke dalam kereta. Tertuduh telah memasuki kereta di tempat duduk belakang bersama bungkusan plastik itu. Kereta yang mereka naiki bergerak sebelum berhenti beberapa minit kemudian. Setelah berhenti kereta itu telah diserbu oleh sekumpulan orang.

[42] Disebalik persamaan dalam fakta-fakta yang dinyatakan di atas terdapat perbezaan yang amat ketara dalam keterangan saksi-saksi pendakwaan dengan keterangan tertuduh mengenai tujuan pertemuan di Bagan Serai, dan juga mengenai apa yang dibualkan dalam kereta semasa SP6 menghantar tertuduh ke rumahnya. Terdapat juga perbezaan dalam keterangan SP6 dan tertuduh mengenai apa yang berlaku dalam kereta sebaik sahaja sebelum tangkapan berlaku. Jika diperhatikan tertuduh hanya menafikan keterangan pendakwaan yang menunjukkan kebersalahannya sahaja tetapi tidak selainnya.

[43] Sebelum membuat penilaian ke atas keterangan-keterangan ini, kami berpaling seketika kepada prinsip undang-undang yang telah digariskan oleh mahkamah tertinggi negara ini dalam menimbangkan keterangan di akhir kes pembelaan. Di peringkat ini tertuduh hanya perlu menimbulkan suatu keraguan yang munsabah ke atas kes pendakwaan. Walaupun seseorang hakim bicara tidak menerima atau mempercayai penjelasan tertuduh, dia masih tidak boleh disabitkan sehingga mahkamah berpuas hati atas alasan-alasan yang mencukupi bahawa penjelasan itu tidak menimbulkan apa-apa keraguan ke atas kes pendakwaan (lihat *Mohd Radhi Yaakob v. Public Prosecutor* [1991] 3 CLJ 2073). Walau betapa lemahnya sesuatu pembelaan tetapi hakim bicara tidak sepatutnya dengan mudah menolak pembelaan tersebut atas alasan saksi pendakwaan lebih dipercayai daripada saksi pembelaan, dan apabila tertuduh memberi keterangan yang menunjukkan dia tidak bersalah adalah menjadi kewajipan mahkamah untuk menimbangkan sama ada keterangan tertuduh itu semunasabahnya benar walaupun tidak mempercayai kebenarannya (lihat *Ganapathy a/l Rengasamy v. Public Prosecutor* [1998] 2 CLJ 1).

[44] Berbalik kepada keterangan di hadapan mahkamah. Kami mulakan dengan pertemuan pertama di antara tertuduh dengan SP6 di Bagan Serai pada petang hari tangkapan. Apakah tujuan sebenar pertemuan mereka. Tiada penjelasan diberikan oleh tertuduh. Dia sekadar menyatakan telah bertemu dengan SP6 di warung makan apabila dia telah pergi ke situ dengan pemberi maklumat Hashim. Menurutnya semasa di warung dia hanya berbual-bual kosong dengan SP6. Tertuduh dalam keterangannya ini seolah-olah menunjukkan bahawa pertemuannya dengan SP6 pada kali pertama itu adalah secara kebetulan sahaja. Namun demikian, setelah meneliti urutan peristiwa yang berlaku selepas itu, kami mendapati adalah amat tidak mungkin bahawa pertemuan itu tidak dirancangkan.

[45] Jika diperhatikan mereka hanya berada di warung selama lima belas minit sahaja. Pemberi maklumat kemudiannya telah meninggalkan mereka dan tertuduh menaiki kereta SP6 yang menghantarnya pulang ke rumah. Kami dapati fakta bahawa tertuduh telah menaiki kereta SP6 untuk dihantar pulang tidak menunjukkan bahawa pertemuan mereka itu secara kebetulan sahaja. Pada hemat kami keterangan SP6 bahawa pertemuan itu adalah susulan daripada temu janji yang telah diatur dalam perbualan telefon di antara mereka sebelumnya adalah konsisten dan selaras dengan tindakan mereka berikutan pertemuan itu.

[46] Setelah berpuas hati bahawa pertemuan mereka itu memang telah dirancangkan, kami juga mendapati tertuduh telah berbohong apabila dia menyatakan mereka hanya bercakap kosong. Fakta bahawa tertuduh telah menaiki kereta SP6 untuk dihantar pulang memperkuatkan lagi keterangan SP6 bahawa tertuduh telah memberitahunya dadah ada di rumah dan tertuduh telah memintanya menghantarnya pulang bagi menunjukkan lokasi rumahnya. Selain daripada itu, kami juga mendapati adalah munasabah untuk mempercayai keterangan SP6 bahawa dalam perjalanan itu mereka telah meneruskan rundingan jualan dadah di mana tertuduh telah bersetuju membekalkan kepadanya tiga kilogram dadah dengan harga RM1,500 sekilogram. Kepercayaan kami itu diperkuatkan lagi tentang apa yang berlaku pada malam itu. Adalah tidak dipertikaikan bahawa SP6 memang telah pergi sekali lagi ke rumah tertuduh pada malam itu bersama-sama Kpl. Zainal.

[47] Apakah tujuan SP6 ke rumah tertuduh pada malam itu. Tiada penjelasan diberikan oleh tertuduh. Jika diimbas kembali, tertuduh sekadar mengatakan sebelum SP6 sampai, Hashim telah datang ke rumahnya pada kira-kira jam 7.30 malam bersama-sama seorang rakan dan mengajaknya keluar makan di warung tempat mereka bertemu sebelumnya. Hashim juga telah memberikan kepadanya satu bungkusan yang dikatakannya mengandungi beras siam wangi dan memintanya menunggu SP6 untuk menyerahkan bungkusan itu kepadanya. Setelah menilai keterangan ini, kami mendapati keterangan tertuduh itu juga menimbulkan beberapa persoalan. Pertamanya, bagaimana tertuduh tahu yang SP6 akan datang ke rumahnya pada malam itu. Mengikut tertuduh Hashim hanya sekadar memintanya menunggu SP6 tetapi tidak memberitahu bila SP6 akan datang. Keterangan selanjutnya menunjukkan tertuduh memang sedia berada di tepi jalan di luar rumahnya semasa SP6 sampai. Ini boleh disimpulkan daripada keterangannya seperti berikut:

> Saya telah tunggu kawan Hashim yang hantar saya pulang ke rumah petang tadi. Kawan Hashim ini telah datang di luar rumah saya dengan seorang yang lain … Kawan Hashim ini suruh saya masuk ke dalam keretanya bersama bungkusan tersebut.

[48] Pada hemat kami adalah tidak masuk akal bagi tertuduh terus menunggu SP6 di tepi jalan di luar rumahnya bersama-sama bungkusan plastik P3A melainkan pertemuan itu telah dirancangkan. Dalam keadaan biasa, sudah semestinya dia akan membawa bungkusan itu masuk dan menunggu SP6 di rumahnya. Keterangan tertuduh itu turut menimbulkan persoalan bagaimana SP6 boleh memintanya membawa bungkusan itu masuk ke dalam keretanya melainkan SP6 telah mengetahui dan melihat kehadiran bungkusan itu. Setelah mengambil kira ketidakmungkinan-ketidakmungkinan ini, kami mendapati bahawa keterangan tertuduh itu adalah sesuatu yang difikirkan kemudian (afterthought) dan rekaan semata-mata bagi mewajarkan kehadirannya dalam kereta SP6 bersama-sama bungkusan plastik tersebut semasa tangkapan.

[49] Dalam hal ini kami mendapati, tindakan dan perlakuan tertuduh pada malam itu memang konsisten dan selari dengan keterangan SP6 yang menunjukkan mereka telah membuat perkiraan bagi SP6 datang ke rumah tertuduh pada malam itu bagi maksud jualan dadah yang dimaksudkan. Keterangan SP6 juga menunjukkan tertuduh telah bersetuju dengan cadangannya supaya

tertuduh terus ambil barang dan bawa masuk ke dalam kereta apabila dia sampai pada malam itu. Tertuduh juga telah bersetuju menunggunya di tepi jalan. Malahan itulah yang sebenarnya berlaku pada malam itu. Adalah fakta yang tidak dipertikaikan bahawa semasa SP6 sampai ke kawasan rumah tertuduh, dia memang telah sedia menunggu di tepi jalan di luar rumahnya. Apabila kereta SP6 berhenti, tertuduh telah masuk ke dalam kereta itu bersama-sama bungkusan plastik P3A tersebut. Jika benar bungkusan itu mengandungi beras wangi siam kiriman Hashim kepada SP6, dalam keadaan biasa sudah pasti tertuduh akan memaklumkannya kepada SP6, dan tiada sebab baginya untuk terus membawa bungkusan plastik itu bersamanya di tempat duduk belakang kereta.

[50] Kami juga mendapati fakta bahawa kandungan bungkusan plastik tersebut tidak dapat dilihat dari luar tidaklah bermakna tertuduh tidak mempunyai pengetahuan tentang dadah ganja yang terkandung di dalamnya setelah mengambil kira penglibatannya dalam rundingan jualan dadah tersebut. Ternyata kepada kami bahawa kedatangan SP6 ke rumah tertuduh pada kali kedua malam itu adalah susulan daripada rundingan mereka sebelumnya berkaitan dengan jualan dadah tersebut. Justeru, satu-satunya inferens yang boleh dibuat ialah bahawa dadah yang terkandung dalam bungkusan plastik P3A tersebut adalah dadah yang telah dijanjikan oleh tertuduh untuk dijual kepada SP6.

[51] Setelah menerima keterangan SP6 mengenai tujuan pertemuannya dengan tertuduh dan tindakan dan perlakuan pihak-pihak selanjutnya, maka kami dapati tiada sebab untuk tidak mempercayai keterangan SP6 tentang apa yang berlaku dalam kereta pada malam itu sebaik sahaja sebelum tangkapan, iaitu tertuduh telah menyerahkan kepada Kpl. Zainal bungkusan plastik P3A yang mengandungi dadah yang dipersoalkan bagi melaksanakan jualan dadah tersebut.

[52] Kesimpulannya, pada pendapat kami sekiranya hakim bicara telah menimbangkan keterangan tertuduh bersekali dengan keterangan saksi-saksi pendakwaan sudah pasti beliau tidak akan mencapai keputusan yang dibuatnya. Kami mendapati tiada apa-apa dalam alasan penghakiman yang menunjukkan hakim bicara telah berbuat demikian.

A **Kesan Kegagalan Memanggil Pemberi Maklumat**

[53] TPR terpelajar turut menghujahkan bahawa hakim bicara telah tersilap dalam pertimbangan dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan kegagalan pihak pendakwa memanggil
B pemberi maklumat telah menimbulkan 'lompang besar' dan inferens bertentangan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 dalam kes pendakwaan. Mengenai isu ini, hakim bicara telah menyatakan seperti berikut:

> C Saya mendapati melalui keterangan kes pihak pendakwaan dan disahkan oleh OKT dalam keterangan pembelaannya ianya menunjukkan seorang sumber (informer) yang dikenali oleh OKT sebagai Hashim telah memainkan peranan yang penting dalam transaksi jual-beli dadah tersebut. Kegagalan pihak pendakwa untuk memanggil sumber yang dikenali dengan nama Hashim oleh OKT
> D ini untuk memberi keterangan telah menyebabkan suatu kekurangan dan "big gap" dalam kes pendakwaan (Sila lihat kes *Abdullah Zawawi v. PP* [1985] 2 MLJ 16). Demi keadilan perlu bagi sumber dikemukakan untuk memberi keterangan di mana dengan kehadirannya ia boleh memuaskan semua pihak untuk menentukan setakat mana peranan yang telah dimainkan olehnya.
>
> E
>
> Adalah juga perlu dinyatakan di sini bahawa di peringkat penutup kes pendakwaan saya telah pun membuat pendapat-pendapat fakta berhubung dengan penglibatan aktif sumber dalam kes ini berasaskan keterangan yang diberi oleh saksi-saksi pendakwaan
> F yang boleh dirumuskan seperti berikut: (Hakim Bicara telah memperturunkan semula alasan (a) hingga (g) dalam alasan penghakiman pertamanya yang telah kami ringkaskan dalam para 12 di atas).

[54] Ternyata kepada kami bahawa asas kepada kedua-dua alasan
G yang diberikan di atas berkisar kepada kegagalan pihak pendakwa memanggil pemberi maklumat sebagai saksi. Dalam hal ini, kami mendapati perlu untuk menekankan bahawa perkara ini juga telah dipertimbangkan oleh hakim bicara, dan malahan menjadi asas utama keputusannya, di akhir kes pendakwaan. Fakta bahawa
H mahkamah ini telah mengetepikan perintah hakim bicara dalam rayuan terdahulu jelas menunjukkan bahawa mahkamah ini telahpun menolak alasan-alasan yang telah diberikan sedemikian.

[55] Pada hemat kami hakim bicara tidak boleh sekali lagi
I menggunakan alasan yang sama sebagai asas untuk membebas dan melepaskan tertuduh melainkan pihak pembelaan telah mengemukakan keterangan yang boleh diterima oleh mahkamah bagi menunjukkan

dengan mencukupi bahawa pemberi maklumat sebenarnya telah bertindak sebagai penyamar sulit yang menyebabkannya hilang perlindungan di bawah s. 40(1) Akta. Dalam rayuan sekarang ini, pihak pembelaan telah cuba menunjukkan peranan aktif pemberi maklumat dalam apa yang dikatakan oleh hakim bicara sebagai "perangkap jual-beli dadah ini". Namun demikian, kami telahpun menolak, atas alasan-alasan yang telah dihuraikan terdahulu, keterangan tertuduh yang cuba mengkaitkan pemberi maklumat dengan bungkusan plastik P3A yang dikatakannya telah diberikan kepadanya oleh pemberi maklumat untuk disampaikan kepada SP6. Setelah menolak keterangan tersebut, kami mendapati kes pendakwaan mengenai peranan pemberi maklumat kekal dan tidak tergugat hingga boleh menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Oleh itu kami menerima dan bersetuju dengan hujah TPR terpelajar mengenai isu ini atas alasan ini sahaja.

[56] Walau apa pun, setelah menolak keterangan tertuduh mengenai kehadiran pemberi maklumat di hadapan rumahnya pada malam tangkapan itu, kami juga mendapati peranan yang dimainkan olehnya tidaklah sampai ke tahap seorang penyamar sulit. Dalam kes *Munusamy v. Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492, telah diputuskan sama ada seseorang itu seorang pemberi maklumat atau telah menjadi penyamar sulit yang aktif akan bergantung kepada fakta setiap kes tertentu. Dalam kes itu telah diputuskan bahawa perlindungan di bawah s. 40(1) Akta terpakai bagi pemberi maklumat kerana keterangan jelas menunjukkan bahawa dia hanya menyertai penyamar sulit dan memperkenalkannya kepada perayu.

[57] Dalam kes Mahkamah Rayuan *Wan Yuriilhami Wan Yaacob lwn. PP & Satu Rayuan Lain* [2009] 2 CLJ 170, fakta kes menunjukkan pemberi maklumat, selain daripada memperkenalkan penyamar sulit kepada perayu, juga telah mengikuti penyamar sulit ke rumah perayu di mana rundingan jual beli dadah telah diadakan. Dia turut berada dalam kereta penyamar sulit di tempat perangkap sebaik sahaja sebelum serbuan dibuat. Dalam kes itu mahkamah telah bersetuju dengan hakim bicara bahawa tindakan pemberi maklumat sedemikian tidak menjadikannya sebagai penyamar sulit kerana walaupun dia hadir di rumah perayu tetapi dia tidak terlibat dalam rundingan jual beli dadah berkenaan. Begitu juga semasa serbuan dijalankan dia telahpun meninggalkan kereta penyamar sulit.

[58] Seperkara lagi, sebagaimana yang telah dijelaskan terdahulu, kami juga mendapati hakim bicara telah memberikan alasan-alasan yang sama seperti yang dihuraikan dalam penghakimannya di akhir kes pendakwaan bagi menunjukkan penglibatan aktif pemberi maklumat berdasarkan saksi-saksi pendakwaan sendiri. Di sini kami hanya perlu mengulangi bahawa alasan-alasan tersebut sudah semestinya diberi pertimbangan oleh mahkamah ini dalam rayuan terdahulu, dan oleh itu tiada sebab bagi kami untuk memutuskan sebaliknya setelah menolak keterangan pembelaan yang kami dapati amat tidak munasabah untuk dipercayai.

[59] Atas alasan-alasan yang dinyatakan di atas, kami berpendapat berdasarkan kepada keseluruhan keterangan di akhir perbicaraan bahawa pihak pembelaan telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Malahan terdapat keterangan pendakwaan yang amat kuat bagi menunjukkan keterlibatan tertuduh dalam urusan jualan dadah yang dipersoalkan yang jelas termasuk dalam takrif 'pengedaran' di bawah s. 2 Akta. Oleh itu, kami mendapati pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kesnya terhadap tertuduh atas pertuduhan asal dengan melampaui keraguan yang munasabah. Lantaran itu kami benarkan rayuan ini dengan mengetepikan keputusan hakim bicara yang bijaksana, dan menggantikannya dengan perintah bahawa tertuduh disabitkan di bawah s. 39(B)(1)(a) Akta, dan menjatuhkan ke atasnya hukuman mati mandatori di bawah s. 39B(2) Akta.